

75 Kakitangan UMS Terima Surat Tawaran Kenaikan Pangkat

Terakhir dikemaskini: Selasa, 23 Januari 2018 16:13 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 406

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



SELASA, 23 JANUARI - Seramai 75 kakitangan akademik dan pentadbiran Universiti Malaysia Sabah (UMS) dari 15 skim perjawatan menerima kenaikan atas sumbangan dan komitmen sepanjang perkhidmatan bersama universiti.

Daripada jumlah tersebut, 29 kakitangan

akademik dinaikkan ke jawatan pensyarah kanan dan guru bahasa dengan gred DS52 dan DG44, manakala seramai 46 orang kakitangan bagi kumpulan pengurusan dan professional gred 44 hingga 54.

Mereka diraikan dalam satu majlis meraikan dan penyerahan surat tawaran kenaikan pangkat kakitangan di Galeri Majlis, kelmarin, yang disampaikan oleh Naib Canselor Profesor Datuk D Kamarudin D Mudin.

Berucap pada majlis tersebut beliau berkata, tawaran kenaikan pangkat yang diberikan kepada penerima merupakan satu kesempatan agar mereka dapat menonjolkan lagi bakat serta komitmen untuk menyumbang kepada UMS.

“Teruskan mengamalkan elemen dinamik, kelestarian, integriti, keadilan kepada diri, rakan sekerja dan keluarga dalam menjalankan tanggung jawab yang diberikan.

“Kita perlu berupaya untuk mencabar diri, memperbaiki diri kita dan berusaha untuk menyampaikan yang terbaik kepada warga universiti,” ujarinya.

Tambah beliau, institusi akademik merupakan satu institusi yang dapat membawa warganya kepada satu perubahan evolusi dan tidak seharusnya terhad dan statik.

Terdahulu, Pendaftar UMS No'man Hj. Ahmad memberitahu proses pemilihan dan kenaikan pangkat yang dijalankan kali ini melalui proses yang ketat.

“Selari dengan aspirasi Naib Canselor kearah transformasi universiti 4.0, maka pendekatan pemilihan kali ini telah meletakkan asas kemampuan pengetahuan dan kecekapan (calon) serta mampu untuk bersama dalam mentransformasikan sistem pentadbiran universiti kearah 4.0 sebagai landasan asas pemilihan,” jelasnya.

Turut hadir, Pegawai-pegawai Utama dan Kanan Universiti.